



MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

RUANG KEDAI UNTUK DISEWA

Permohonan adalah dipelawa daripada **USAHAWAN KECIL BUMIPUTERA TEMPATAN, WARGANEGARA MALAYSIA yang menetap di, Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Teluk Intan, berumur di antara 21 hingga 50 tahun, dan berminat untuk menyewa dan menjalankan perniagaan di premis seperti berikut:-**

NO UNIT	PREMIS	TINGKAT	KADAR SEWA SEBULAN	*TAWARAN DISKAUN KADAR SEWA (12 Bulan)	JENIS PERNIAGAAN
2A	Kedai Desa Langkap	Tingkat Atas	RM550.00	RM390.00	Pelbagai

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

1. Borang permohonan penyewaan boleh didapati di **Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Teluk Intan, Jalan Speedy, Teluk Intan** pada waktu pejabat (8.00 pagi – 3.30 petang) dengan bayaran proses permohonan **RM5.00** setiap satu, tertakluk kepada kekosongan premis, dari semasa ke semasa.
2. Permohonan yang tidak mendapat jawapan **selepas 3 bulan** dari tarikh tutup permohonan, hendaklah menganggap permohonannya gagal.
3. Pemohon yang berjaya akan menandatangani satu perjanjian penyewaan dan perlu mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI).

4. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:

- i. Keutamaan pemilihan penyewa adalah kepada pemohon-pemohon berikut;
 - a. Mempunyai kesediaan modal;
 - b. Kesesuaian tred perniagaan; dan
 - c. Lain-lain kriteria yang ditetapkan oleh MPTI semasa menimbangkan permohonan.
- ii. Penyewa sedia ada bagi premis MPTI tidak layak memohon;
- iii. Perniagaan yang berteraskan produk tempatan adalah digalakan;
- iv. Permohonan dari pemohon yang telah berkeluarga adalah diberikan keutamaan;
- v. MPTI berhak untuk membuat pemilihan secara terus atau melalui proses temuduga; dan
- vi. MPTI berhak untuk menyenaraipendek permohonan yang diterima berdasarkan kriteria yang akan ditentukan dan hanya pemohon yang disenaraipendek akan dipanggil untuk sesi temuduga.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN
36000 TELUK INTAN**

Tarikh: 14 Mac 2019

TELAH DITAMPAL DI:

- i. Lokasi Premis;
- ii. Pasar Baru Langkap; dan
- iii. Papan Kenyataan Pejabat MPTI,
pada.....oleh
.....